



14 April 2017
14 April 2017
P.U. (A) 123

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH KASTAM (DUTI PELINDUNG MUKTAMAD)
(NO. 2) 2017

*CUSTOMS (DEFINITIVE SAFEGUARD DUTIES)
(NO. 2) ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PELINDUNG 2006 DAN AKTA KASTAM 1967

PERINTAH KASTAM (DUTI PELINDUNG MUKTAMAD) (NO. 2) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 23(3) Akta Pelindung 2006 [*Akta 657*] dan subseksyen 11(1) Akta Kastam 1967 [*Akta 235*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kastam (Duti Pelindung Muktamad) (No. 2) 2017**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa bagi tempoh mulai 15 April 2017 hingga 14 April 2020.

Duti pelindung muktamad

2. (1) Duti pelindung muktamad hendaklah dilevi terhadap dan dibayar oleh pengimport berkenaan dengan barang-barang yang dinyatakan dalam ruang (1) dan (2) Jadual, yang dieksport dari negara yang dinyatakan dalam ruang (3) ke dalam Malaysia, pada kadar yang dinyatakan dalam ruang (4).

(2) Duti pelindung muktamad yang dikenakan di bawah Perintah ini hendaklah bagi tempoh tiga tahun mulai 15 April 2017 hingga 14 April 2020 pada kadar seperti yang berikut:

<i>Tempoh</i>	<i>Duti Pelindung Muktamad (%)</i>
15 April 2017 – 14 April 2018	13.90
15 April 2018 – 14 April 2019	12.90
15 April 2019 – 14 April 2020	11.90

Pembayaran duti pelindung muktamad

3. Duti pelindung muktamad yang kena dibayar di bawah Perintah ini hendaklah dibayar secara tunai.

Penjenisan barang-barang

4. (1) Penjenisan barang-barang yang dinyatakan dalam ruang (1) dan (2) Jadual hendaklah mematuhi Rukun-Rukun Tafsiran dalam Perintah Duti Kastam 2017 [*P.U. (A) 5/2017*].

(2) Nombor kepala atau subkepala yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual diperuntukkan bagi kemudahan rujukan dan tidak mempunyai kesan mengikat terhadap penjenisan barang-barang yang diperihalkan dalam ruang (2).

Kesan terhadap duti import, dan cukai barang dan perkhidmatan

5. Pengenaan duti pelindung muktamad di bawah Perintah ini tidaklah menjejaskan pengenaan dan pemungutan—

(a) duti import di bawah Akta Kastam 1967; dan

(b) cukai barang dan perkhidmatan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [*Akta 762*].

JADUAL

[Perenggan 2]

DUTI PELINDUNG MUKTAMAD

(1)	(2)	(3)	(4)
<i>Nombor Kepala/ Subkepala mengikut Kod H.S. dan AHTN</i>	<i>Perihal Barang-Barang</i>	<i>Negara</i>	<i>Kadar Duti (Peratusan (% daripada Nilai Kos, Insurans dan Tambang (KIT))/Tempoh</i>
7213.10.10 00, 7213.91.10 00, 7213.91.20 00, 7213.91.90 00, 7213.99.10 00, 7213.99.20 00, 7213.99.90 00 dan 7227.90.00 00	Rod dawai keluli dalam aloi atau bukan aloi gulungan panas dan bar bebunga dalam gegelung, dalam gegelung belitan sekata atau tidak sekata, tidak termasuk—	1. Armenia 2. Australia 3. Kanada 4. Croatia 5. Republik Czech 6. Kesatuan Eropah 7. Republik Persekutuan Jerman	13.90 (15 April 2017- 14 April 2018)
	(a) rod dawai keluli dan bar bebunga dalam gegelung, dengan kandungan karbon 0.60% atau lebih atau berdiameter lebih besar daripada 16.0 milimeter;	8. Perancis 9. Greece 10. Hungary 11. Ireland 12. Itali 13. Jepun 14. Negara Belgium 15. Negara Denmark	12.90 (15 April 2018- 14 April 2019)
	(b) keluaran yang diimport bagi maksud penggunaan akhir industri automotif, elektrik dan elektronik, minyak dan gas daripada semua gred dan spesifikasi; dan	16. Negara Norway 17. Negara Sepanyol 18. Negara Sweden 19. Negara Belanda 20. Liechtenstein 21. Luxemborg 22. New Zealand 23. Republik Rakyat China 24. Republik Portugal 25. Republik Austria	11.90 (15 April 2019- 14 April 2020)

- (c) bar bebunga dalam gegelung, dalam gegelung belitan sekata atau tidak sekata yang diimport bagi maksud penggunaan akhir industri pembinaan antigempa bumi daripada semua gred dan spesifikasi
26. Republik Bulgaria
 27. Republik Cyprus
 28. Republik Estonia
 29. Republik Finland
 30. Republik Iceland
 31. Republik Korea
 32. Republik Latvia
 33. Republik Lithuania
 34. Republik Malta
 35. Republik Poland
 36. Republik Singapura
 37. Republik Slovenia
 38. Romania
 39. Republik Slovak
 40. Switzerland
 41. United Kingdom of Great Britain dan Ireland Utara
 42. Amerika Syarikat

Dibuat 12 April 2017

[SULIT KE.HT(96)669/40 Sk.7/0.9060/18(SJ.30); PN(PU2)647/VI]

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI
Menteri Kewangan Kedua

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 11(2) Akta Kastam 1967]

SAFEGUARDS ACT 2006 AND CUSTOMS ACT 1967

CUSTOMS (DEFINITIVE SAFEGUARD DUTIES) (NO. 2) ORDER 2017

IN exercise of the powers conferred by subsection 23(3) of the Safeguards Act 2006 [Act 657] and subsection 11(1) of the Customs Act 1967 [Act 235], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Customs (Definitive Safeguard Duties) (No. 2) Order 2017**.

(2) This Order has effect for the period from 15 April 2017 to 14 April 2020.

Definitive safeguard duties

2. (1) Definitive safeguard duties shall be levied on and paid by the importers in respect of goods specified in columns (1) and (2) of the Schedule, exported from the countries specified in column (3) into Malaysia, at the rates specified in column (4).

(2) Definitive safeguard duties imposed under this Order shall be for a period of three years from 15 April 2017 to 14 April 2020 at the following rates:

<i>Period</i>	<i>Definitive Safeguard Duties (%)</i>
15 April 2017 – 14 April 2018	13.90
15 April 2018 – 14 April 2019	12.90
15 April 2019 – 14 April 2020	11.90

Payment of definitive safeguard duties

3. The definitive safeguard duties levied payable under this Order shall be paid in cash.

Classification of goods

4. (1) The classification of goods specified in columns (1) and (2) of the Schedule shall comply with the Rules of Interpretation in the Customs Duties Order 2017 [*P.U. (A) 5/2017*].

(2) The heading or subheading numbers specified in column (1) of the Schedule is provided for ease of reference and has no binding effect on the classification of goods described in column (2).

Effects on import duties, and goods and services tax

5. The imposition of the definitive safeguard duties under this Order is without prejudice to the imposition and collection of—

(a) import duties under the Customs Act 1967; and

(b) goods and services tax under the Goods and Services Tax Act 2014 [*Act 762*].

SCHEDULE

[Paragraph 2]

DEFINITIVE SAFEGUARD DUTIES

(1)	(2)	(3)	(4)
<i>Heading/ Subheading Numbers according to H.S. Code and AHTN</i>	<i>Description of Goods</i>	<i>Countries</i>	<i>Rate of Duties (Percentage (%) of the Cost, Insurance and Freight (CIF) Value)/Period</i>
7213.10.10 00, 7213.91.10 00, 7213.91.20 00, 7213.91.90 00, 7213.99.10 00, 7213.99.20 00, 7213.99.90 00 and 7227.90.00 00	Steel wire rods in hot rolled alloy or non-alloy and deformed bar in coils, in regular or irregular wound coils, excluding—	1. Armenia 2. Australia 3. Canada 4. Croatia 5. Czech Republic 6. European Union 7. Federal Republic of Germany 8. France 9. Greece 10. Hungary 11. Ireland 12. Italy 13. Japan 14. Kingdom of Belgium 15. Kingdom of Denmark 16. Kingdom of Norway 17. Kingdom of Spain 18. Kingdom of Sweden 19. Kingdom of the Netherlands 20. Liechtenstein 21. Luxembourg 22. New Zealand	13.90 (15 April 2017- 14 April 2018) 12.90 (15 April 2018- 14 April 2019) 11.90 (15 April 2019- 14 April 2020)
	(a) steel wire rods and deformed bar in coils with carbon content of 0.60% or more or diameter greater than 16.0 millimeters;		
	(b) products imported for the end-usage purposes of automotive, electrical and electronic, oil and gas industries of all grades and specifications; and		
	(c) deformed bar in coils, in regular or irregular wound coils imported for the end-usage purpose of		

earthquake proof
construction
industries of all
grades and
specifications

23. People's Republic of China
24. Portuguese Republic
25. Republic of Austria
26. Republic of Bulgaria
27. Republic of Cyprus
28. Republic of Estonia
29. Republic of Finland
30. Republic of Iceland
31. Republic of Korea
32. Republic of Latvia
33. Republic of Lithuania
34. Republic of Malta
35. Republic of Poland
36. Republic of Singapore
37. Republic of Slovenia
38. Romania
39. Slovak Republic
40. Switzerland
41. United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland
42. United States of America

Made 12 April 2017

[SULIT KE.HT(96)669/40 Sk.7/0.9060/18(SJ.30); PN(PU2)647/VI]

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI
Second Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 11(2) of the Customs Act 1967]